

Pendidikan Seks

SEJAUH MANA PERSEDIAAN IBU BAPA & GURU?



SERING KALI KITA SEBAGAI IBU ATAU AYAH MALU DAN SEGAN BERBICARA HAL BERKAITAN SEKS SECARA TERBUKA DENGAN ANAK-ANAK. ADA JUGA MENGANGGAP IA SESUATU YANG MEMALUKAN. TAMBAHAN PULA ANAK-ANAK MASIH TERLALU KECIL UNTUK DIBERIKAN PENJELASAN TENTANG PERKARA YANG DIANGGAP HAL ORANG DEWASA.

Barang kali ibu bapa itu sendiri kurang arif tentang hal berkenaan. Atau tidak tahu apakah pendekatan yang sepatutnya digunakan dengan bahasa yang mudah difahami untuk berinteraksi dengan anak-anak. Hakikatnya, mereka perlu tahu dan perlu diberitahu. Kepesatan teknologi hari ini memungkinkan mereka mengetahui hal ini melalui gajet-gajet dan laman sesawang di Internet atau melalui teman-teman.

Justeru, ibu bapa harus lebih kreatif dan 'advance' agar anak-anak mengetahui mengikut landasan dan lunas-lunas yang sewajarnya.

Sebagai membuka lembaran baru pada 2018 ini HARMONI berkongsi pandangan seorang ibu dan guru tentang hal berkaitan pendidikan seks terhadap anak-anak dan pelajar. Sekurang-kurangnya ia boleh dijadikan panduan tika mereka melangkah ke dunia baru, sama ada di sekolah rendah, menengah atau asrama.

Bagi menjelaskannya, kami berpeluang berkongsi pengalaman dan pandangan seorang ibu, Akhma Deena Khalid, Pengetua Sekolah Menengah Agama Hira', Shah Alam, Siti Umi Kalsom Hussin dan Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Dr. Muhammad Faisal Ashaari.

Menurut Akhma Deena Khalid, 40, ibu kepada enam orang cahaya mata berusia antara lima hingga 17 tahun, pada awalnya dia tidak begitu menyedari tentang kepentingan menjelaskan kepada anak-anak tentang pendidikan seks. Tetapi setelah banyak kes gangguan seksual melibatkan pelajar sekolah yang diketahui melalui teman-teman dan media, dia mula bimbang dan mengambil langkah berjaga-jaga.

"Secara tidak sedar saya dan suami menerapkan pendidikan seks kepada anak-anak sejak kecil dengan menekankan tentang aurat dan batasan



Akhma Deena Khalid

antara anak lelaki dan perempuan."

"Saya dapati anak lelaki sulung faham tentang apa yang kami cuba sampaikan. Sebagai contoh, apabila ada kawan-kawannya datang ke rumah, dia akan meminta adik-adik perempuan masuk ke bilik atau segera bertudung.

Saya melihat itu cara dia lindungi maruah adik-adiknya," jelas Akhma yang mula menerapkan perkara itu sejak anak-anak berusia lima tahun. Pun begitu, dia mengakui ibu atau ayah perlu lebih bersikap terbuka untuk bercerita tentang hal berkenaan dan tidak menganggapnya sebagai sesuatu yang taboo.

Tambah Akhma, "Ketika anak lelaki saya masuk asrama, pada mulanya saya banyak berkias tentang isu ini dan berpesan agar jangan tidur sekatil dengan kawan lelaki. Tetapi kini mahu atau tidak saya terpaksa berterus terang supaya mereka lebih jelas tentangnya. Antara yang sering ditekankan, jangan biarkan orang

memegang alat sulitnya dan dia sendiri tidak boleh pegang alat sulit orang lain. Setiap kali mereka pulang ke rumah, kami akan berbual, saya akan bertanya tentang keadaannya dan mendengar cerita mereka. Melalui cara ini anak-anak tidak segan untuk berkongsi apa sahaja dengan kita."

Baginya, pendidikan seks perlu bermula di rumah. Namun, ramai di kalangan ibu bapa yang terlepas pandang tentang tanggungjawab ini. Bahkan mereka tidak melihat ini sesuatu yang penting. Justeru, sebagai pendedahan, dia dan suami menghantar anak yang sudah baligh menghadiri seminar atau program pendidikan kejantinaan sebagai persediaan.

Dia akui langkah berjaga-jaga bukanlah jaminan untuk anak-anak tidak terdedah kepada gangguan seksual atau apa sahaja gejala melibatkan seks, tetapi penglibatan ibu bapa sekurang-kurangnya dapat mengekang peraturan mereka yang terlibat dengan masalah sedemikian. Dalam pada itu Akhma turut menyarankan agar pendidikan seks diterapkan dalam silibus sekolah.

Education - sex Education
Pg 44-47

Control No: 0000275689

file name: ma/education/2018/eou2018A03.pdf

PERANAN GURU

SEMENTARA itu, Siti Umi Kalsom Hussin mendefinisikan, pendidikan seks pada tahap pelajar sekolah adalah menggunakan pendekatan Islam - merangkumi pelajaran *fiqh toharah* (bersuci) dan *fiqh munakahat*.

"Ulama menggunakan istilah kedua-dua cabang ilmu itu sebagai pendekatan untuk menjelaskan hal ini mengikut tahap dan kesesuaian perkembangan usia manusia. Ia merangkumi cara bersuci, sebab-sebab mandi hadas besar, adab dan tatacara haid, keluar mani, mandi junub dan pelbagai lagi."

"Perinciannya secara tidak langsung menerangkan tentang tanda-tanda akal baligh dan perubahan hormon yang akan dilalui oleh manusia. Subjek ini diajar sejak di sekolah rendah. Manakala *fiqh munakahat* seperti hikmah perkahwinan, tanggungjawab suami, isteri disampaikan dalam suasana beradab dan fitrah diajar ketika di lingkungan lima," ujarnya.

Dia menjelaskan, setakat ini belum ada subjek khusus tentangnya. Namun, sebagai sekolah menengah Islam swasta, pihaknya tetap memberi penekanan terhadap mata pelajaran seperti *fiqh ikhtilath* (pergaulan antara lelaki dan perempuan bukan mahram), persiapan kesihatan *muraahqah* (remaja), 'say no to zina' dan pengajaran kaum Nabi Luthi.



Siti Umi Kalsom Hussin

"Bagi membolehkan perbincangan dilakukan secara telus dan mudah difahami dengan baik, kami mengasingkan kelas antara pelajar lelaki dan perempuan. Persekitaran yang harmoni (biasa solehah) juga penting dalam proses tarbiyah seksual. Contohnya, mengasingkan laluan antara pelajar lelaki dan perempuan, tidak berlaku komunikasi terlarang antara pelajar lelaki dan perempuan, mewajibkan pakaian seragam yang menutup aurat dengan sempurna. Begitu juga pakaian ketika pendidikan jasmani dan aktiviti di luar kelas, pelajar dibimbing dalam halaqah usrah yang kecil dengan dibimbing oleh guru," tambah Umi Siti Lagi.

Dalam masa yang sama dia turut mengakui guru memainkan peranan penting dalam proses tarbiyah seks. Ini kerana contoh teladan yang baik

bermula daripada guru, agar ia mampu menyampaikan mesej dalam suasana pembelajaran keimanan dan ilmiyah.

Sebagai guru yang berpengalaman dia menegaskan, "Pendekatan ini penting supaya apa yang disampaikan itu dapat difahami untuk membaiki adab dan bukannya dalam suasana lucu. Sementara guru pula harus bijak mengaitkan isu pendidikan seks dengan dosa dan pahala. Jika mereka gagal, pendidikan seks akan menjadi bahan gurauan pelajar."

Perlu diingatkan juga, dalam keadaan dunia tanpa sempadan seperti hari ini pelajar mudah terdedah perkara yang ada kalanya di luar kawalan ibu bapa dan guru. Justeru tugas mendidik jadi lebih mencabar. Sebab itulah pemahaman yang jelas mesti diberi perhatian. Bahkan mereka mesti mengimani cabaran besar berkenaan.

PENDIDIKAN SEKS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM



SEMENTARA itu, Dr. Muhammad Faisal tidak menafikan hal ini. Justeru dia menjelaskan, "Dalam Islam pendidikan seks tidak diajar secara langsung. Sebaliknya diterapkan secara tidak langsung dalam subjek fikah, akhlak dan hukum-hakam. Sebagai contoh, hukum batal air sembahyang, ia memaklumkan kepada kita tentang implikasi terhadap perbezaan jantina. Begitu juga dengan soal solat. Kenapa dalam kedudukan saf solat, lelaki berada di saf hadapan, manakala perempuan pula berada di saf belakang?"

"Ia bertujuan untuk memberitahu tentang hal kejantina yang diaplikasikan melalui ilmu akhlak. Dalam pada itu Allah mengajar hamba-Nya tentang pendidikan seks secara fitrah atau semula jadi. Yang menjadi persoalan bagaimanakah cara untuk membimbing manusia berlainan jantina kepada lunas-lunas Islam? Ini kerana rupa bentuk anatomi manusia tidak diceritakan secara terperinci dalam Islam. Apa pun ia tidak



bermaksud agama kita menafikan biologi manusia secara khusus.

Tambahnya lagi, apabila menyebut tentang pendidikan seks mengikut fahaman Barat, ia lebih menekankan seks yang selamat dan tidak selamat. Sebab itu mereka mewujudkan kondom dan alat pencegahan kehamilan lain yang dikatakan 'selamat.' Ini kerana selalunya yang terlibat dengan seks akan ketagih. Berbeza dengan Islam yang menekankan soal itu secara 'lebih beradab' dan selamat melalui ikatan perkahwinan.

"Mungkin ada yang tertanya-tanya bagaimana Islam menangani masalah ini? Jawapannya, ia dijelaskan melalui hukum fikah dan pendidikan akhlak yang disentuh secara tidak langsung dalam bab haid, pisahkan anak perempuan dan lelaki pada umur tertentu serta pelbagai lagi," katanya.

Dr. Muhammad Faisal menjelaskan, mungkin ada di kalangan anak-anak yang suka bergurau agak kasar hingga kepada perbuatan yang boleh dianggap keterlaluan dan memalukan seperti menarik tuala setelah keluar dari tandas atau bilik mandi, melondehkan tuala dan sebagainya. Ia melibatkan soal akhlak dan limitasi dalam pergaulan. Hal berkaitan wajar diajar ketika berumur sekitar lima atau enam tahun agar mereka tahu batasan dalam pergaulan.

Ketika itu mereka sedang membesar dan dalam proses pembelajaran untuk memahami apa



Dr. Muhammad Faisal Ashaari

yang dilakukan serta apa yang berlaku di persekitaran. Sekiranya ditekankan soal akhlak, perkara tersebut akan berjaya diatasi. Dengan cara ini perkara yang sama tidak akan terbawa-bawa setelah mereka dewasa."

Dalam pada itu, dia turut menekankan perkara yang perlu juga disentuh ialah cara berpakaian. Misalnya, ibu

bapa yang inginkan anak lelaki tetapi tidak dikurniakan anak lelaki. Maka mereka memakainya dengan pakaian lelaki. Begitulah sebaliknya. Dalam hal ini pendidikan wajar diberikan mengikut jantina mereka. Ini kerana pendidikan seks tidak hanya melibatkan hubungan jenis tetapi ia turut melibatkan soal akhlak dan pergaulan yang seimbang dengan kehendak Islam.

Sebagaimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Imam Abu Daud bermaksud, "Perintahkan anak-anak kamu solat pada usia tujuh tahun, pukullah mereka jika meninggalkannya pada usia 10 tahun dan pisahkan di antara mereka tempat tidurnya."

"Dalam masa yang sama, sebelum berbicara tentang akhlak anak-anak, penekanan harus turut diberikan kepada akhlak ibu bapa kerana ia memberi kesan pada anak-anak terutama melibatkan aspek pergaulan dan tingkah laku. Oleh itu bagi memupuk nilai murni dalam diri anak-anak, sewajarnya mereka dididik sejak kecil tentang hal itu, termasuk soal solat. Ini kerana, 'melentur buluh

biar dari rebungnya.' Jika setelah anak itu menginjak dewasa baru mahu ditekankan soal tersebut, keadaan tentu bertambah sukar," tegas pensyarah ini lagi.

Tambahnya, "Dalam Islam, hukum bertindak sebagai pemberi garis panduan, manakala akhlak pula pelengkap peribadi seseorang. Semakin baik akhlak seseorang, semakin tinggi kedudukannya, bukan sahaja dalam masyarakat. Bahkan juga di sisi Allah. Dalam hal ini kita melihat kepada kewajaran seseorang itu menega keterampilan mereka mengikut kesesuaian tempat."

"Namun setiap orang mempunyai pendekatan dan piawaian yang berbeza. Ada yang meletakkan piawaian yang tinggi dalam hal ini kerana ia melambangkan keperibadian. Misalnya, cara berpakaian di rumah dengan di pejabat juga berbeza."

"Di rumah kita boleh memakai apa sahaja dan daripada segi hukum juga tidak salah. Namun cara berpakaian tersebut mungkin tidak sesuai dipakai ketika di pejabat. Dalam hal ini bukan hanya soal hukum sahaja perlu ditekankan, bahkan soal akhlak dan penampilan juga perlu diambil kira," ujarnya lagi.

Apa yang disarankan oleh agama ialah pendidikan anak-anak mesti berteraskan nilai dan syariat Islam sama ada dalam soal berpakaian, kewajipan menunaikan solat, membaca al-Quran dan sebagainya. Dalam masa yang sama mesti ditekankan soal gender antara anak lelaki dan anak perempuan, sifat malu dan lain-lain kerana ia sebahagian daripada akhlak Islam.

Dr. Muhammad Faisal turut menyarankan, selain ibu bapa, pihak sekolah dan warden asrama juga perlu memainkan peranan untuk menangani semua gejala yang tidak sihat terutama melibatkan seks di kalangan pelajar. Ini termasuklah buli, seks sesama jenis dan lain-lain. Jika tidak ditekankan soal agama tidak mustahil perkara sedemikian akan berlaku. Apa pun dia berharap andai ada di kalangan anak-anak ini yang terjebak ke dalam kancang yang tidak sihat itu, mereka akan kembali ke pangkal jalan selari dengan usia dan kematangan.